

PRASARANA MASJID MESRA WANITA ISLAM: SATU TINJAUAN

Siti Rokyah Md Zain¹

Ros Norita Abd Samad¹

Mohamed Muneer Samsudin²

Wan Anuar Wan Mamat³

SiG Accounting for Accountability, Fakulti Perakaunan¹

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan²

Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS)³

UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun

ilajannatizumra@gmail.com/rokyahmz@tganu.uitm.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan ciri-ciri mengenai prasarana masjid yang mesra bagi para pengunjungnya, terutamanya wanita Islam. Prasarana komponen mesra tandas, ruang wuduk, ruang solat, dan keselamatan adalah antara item-item yang perlu dititikberatkan oleh pengurusan masjid dan surau. Malangnya, masih terdapat pengurusan masjid dan surau yang kurang prihatin terhadap prasarana yang mesra wanita Islam. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data melalui data sekunder dan rakaman gambar foto sebagai metod kajian. Pembentukan komponen-komponen item prasarana adalah dari penanda aras masjid dan surau Wilayah Persekutuan. Kajian ini mendapati masih banyak yang perlu diperbaiki dan diambil perhatian mengenai prasarana masjid yang mesra wanita Islam.

Kata kunci: Masjid, Wanita Islam, Komponen Ruang Wuduk, Komponen Ruang Tandas, Komponen Ruang Solat, Komponen Keselamatan

Pendahuluan

Statistik tahun 2010 menunjukkan jumlah wanita Islam di Malaysia adalah seramai 8.48 juta orang. Jumlah ini dijangka meningkat sebanyak 5% setiap tahun. Menjelang 2020, wanita Islam di Malaysia dijangka mencecah 10 juta orang. Dengan jangkakan jumlah besar ini, wanita secara langsung dan tidak langsung akan menggunakan prasarana masjid dalam aktiviti harian mereka. Wanita Islam pada amnya terdedah untuk menggunakan prasarana masjid dalam pelbagai keadaan. Selain dari berjemaah dimasjid, mendengar kuliah keagamaan dan menyertai pelbagai aktiviti masjid, wanita Islam juga sering bermusafir untuk tujuan kekeluargaan atau pekerjaan. Oleh yang demikian, masjid atau surau adalah destinasi utama mereka untuk menunaikan tuntutan agama iaitu solat.

Prasarana Masjid Tidak Mesra Wanita Islam

Senario ini telah disentuh oleh mantan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Datuk Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz (Utusan Malaysia, 2012). Beliau meluahkan rasa keprihatinan beliau terhadap prasarana yang tidak memuaskan bagi pengunjung wanita Islam.

Di antara teguran beliau ialah berkaitan dengan ruang wuduk yang terbuka sehingga menyulitkan kaum wanita untuk menjaga aurat mereka. Ini dikuatkan lagi dengan pelbagai keluhan yang dilontarkan dilaman sesawang daripada kaum wanita Islam yang kurang selesa menggunakan prasarana masjid yang tidak mesra wanita.

Menurut kebanyakan tulisan dari laman sesawang dan blog, wanita Islam lebih mudah menjaga aurat mereka ketika melakukan aktiviti “shopping” berbanding apabila mereka mahu melakukan

ibadah solat di masjid atau surau yang mereka kunjungi. Semasa “bershopping”, mereka selalunya mengenakan pakaian yang menutup aurat mereka dengan sempurna, namun apabila mereka singgag untuk bersolat di masjid atau surau, keadaan sebaliknya yang seringkali terjadi kepada mereka.

Antara keluhan mereka yang diluahkan dilaman sesawang terutamanya FaceBook dan blog adalah jarak yang jauh di antara ruang wuduk dan ruang solat, menyebabkan mereka terpaksa mendedahkan aurat dibahagian kaki (yang telah basahi air wuduk; dimana mereka tidak menyarungkan sarung kaki (dikhuatiri basah) untuk menuju ke ruang solat yang agak jauh.

Selain dari itu, dilaman sesawang juga menceritakan mengenai ruang wuduk wanita yang terbuka. Ini menyulitkan wanita Islam untuk berwuduk diruang yang terbuka kerana terpaksa membuka tudung (yang menutupi aurat mereka) untuk berwuduk. Terdapat juga keluhan berkaitan tandas wanita yang jauh terpencil dan dikelilingi rimbunan pokok renek yang tidak dijaga dengan rapi. Kondisi lampu yang malap atau suasana gelap dikawasan tandas yang jauh dari ruang wuduk, menakutkan ramai pengunjung wanita Islam ke masjid yang mereka singgahi. Terdapat juga keluhan daripada mereka mengenai penunjuk arah ke bahagian tandas, wuduk dan solat wanita yang mengelirukan atau sukar dilihat.

Pernyataan Masalah

Pada amnya, prasarana masjid lebih bersifat maskulin. Sementelah majoriti ahli jawatan kuasa masjid atau surau dimonopoli oleh kaum lelaki. Ini mengakibatkan prasarana masjid cenderung mengeneppikan keselesaan kepada kaum wanita Islam yang juga turut menggunakan prasarana masjid.

Objektif Kertas Kerja

Oleh yang demikian, kertas kerja ini bertujuan untuk mengenalpasti komponen komponen prasarana masjid yang mesra wanita Islam. Ia juga memberikan cadangan model prasarana masjid yang mesra wanita Islam. Kertas kerja ini juga menampilkan contoh bergambar mengenai beberapa permasalahan berkaitan prasarana masjid yang mesra dan tidak mesra wanita Islam.

Pembahagian Kertas Kerja

Kertas kerja ini dibahagikan kepada lima bahagian. Bahagian pertama akan menyingkap perihal garis panduan prasarana masjid atau surau yang telah didokumenkan diMalaysia oleh pelbagai pihak yang berwajib sebagai rujukan am kepada pihak kontraktor dan juga pihak pengurusan masjid. Bahagian kedua, akan membicarakan mengenai metod kajian, sementara bahagian ketiga mengemukakan model prasarana masjid mesra wanita Islam dan keterangan mengenai komponen prasarana tersebut. Bahagian ketiga akan mempamerkan beberapa contoh bergambar berkaitan dengan komponen-komponen MesTan, MesWud, MeRSol dan MesKes. Ini termasuk ulasan mengenai prasaranan mmesra masjid dan surau yang mesra wanita Islam melalui ilustrasi bergambar berorientasikan komponen MesTan, MesWud, MeRSol dan Meskes yang boleh dicontohi sebagai panduan. Bahagian yang akhir akan memberikan kesimpulan kepada kertas kerja ini.

Garis panduan Prasarana Masjid

Malaysia, pada amnya telah mempunyai pelbagai garis panduan untuk prasarana masjid, surau dan ruang solat yang boleh menjadi rujukan oleh pihak yang terlibat dalam pembinaan masjid dan surau. Mendahului jabatan-jabatan lain, pada tahun 2002, Jabatan Perancang Bandar dan Desa serta

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia (PBT), telah mengeluarkan satu rujukan lengkap garis panduan kepada pihak berkenaan yang terlibat dalam pembinaan masjid, surau dan ruang solat untuk orang-orang Islam.

Terdapat juga beberapa garis panduan yang dikeluarkan oleh beberapa agensi tertentu seperti Piawai Perancang Tempat Ibadah Islam oleh Kerajaan negeri Perak, ringkasan Garis Panduan Perancangan Masjid dan Surau (GP008-A) sebagai rujukan untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, agensi pelaksana dan pemaju di dalam merancang perletakan dan susun atur masjid dan surau dan kemudahan-kemudahan yang berkaitan dengannya.

Sebagai usaha ke arah prasarana masjid yang lebih bersih dan selesa, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah mengeluarkan Garis Panduan Penarafan Bilik air dan Tempat Wuduk Masjid dan Surau Wilayah Persekutuan. Serentak dengan itu, pihak JAWI juga telah mewar-warkan satu video klip berkaitan garis panduan tersebut di *Youtube*. Usaha JAWI ini juga telah menarik perhatian pelbagai pihak untuk mengeluarkan satu idea yang bernas bagi menangani permasalahan kebersihan dan kegunaan prasarana masjid dan surau. Pada 2014, pihak SIRIM telah mengeluarkan standard No.2 Garis panduan Penarafan Tandas Masjid dan Surau 2014.

Terkini, JAWI juga telah mengadakan sesi diskusi garis panduan masjid/surau/ruang solat dikawasan pembangunan berbilang tingkat dan komersil pada 15-16 Ogos, 2017. Di antara objektif diskusi ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta berkaitan model masjid/surau/ruang solat di kawasan bangunan bertingkat dan komersil. Namun begitu, kebanyakan garis panduan yang dikeluarkan bersifat umum. Kebanyakan garis panduan yang disediakan kurang memberi tumpuan dan perincian terhadap keselesaan dan kebersihan ruang solat, ruang wuduk dan keselamatan, terutamanya terhadap wanita Islam.


Metod Kajian

Kertas kerja ini menggunakan data sekunder dan kaedah fotografi sebagai cara pengumpulan data dan maklumat. Data sekunder diambil dari pelbagai sumber dari laman sesawang jabatan-jabatan yang terlibat dalam merangka garis panduan masjid, surau dan ruang solat. Data sekunder yang diambil juga termasuk paparan video klip dalam *Youtube*, yang berkaitan dengan prasarana masjid dan surau. Selari dengan teknologi yang semakin berkembang pesat, kajian ini menggunakan kaedah fotografi. Menurut Jon Prosser (1998) kaedah fotografi menerusi gambar-gambar foto boleh meningkatkan kefahaman individu terhadap isu atau permasalahan yang dikemukakan di dalam kajian. Oleh itu, sebagai tambahan, gambar-gambar foto telah digunakan sebagai bahan ulasan di dalam kajian ini. Gambar-gambar foto yang diambil adalah dari masjid-masjid yang berada berhampiran jalanraya. Masjid-masjid berikut sering menjadi tempat hentian pengunjung Islam untuk menunaikan solat sebelum mereka meneruskan perjalanan.

Model Prasarana Masjid Mesra Wanita Islam

Gambarajah dibawah mencadangkan model prasarana masjid mesra wanita Islam. Komponen-komponen yang dinyatakan dalam model prasarana masjid mesra wanita Islam diadaptasi dan diubahsuai dari komponen-komponen yang diutarakan dalam Garis Panduan Penarafan Bilik Air dan Tempat Wuduk Masjid dan Surau Wilayah Persekutuan yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI, 2017). Model ini mengandungi empat komponen penting dalam prasarana masjid yang mesra wanita Islam iaitu Komponen Mesra Tandas (MesTan), komponen

Mesra Wuduk (MesWud), Komponen Mesra Ruang Solat (MeRSol) dan Komponen Mesra Keselamatan (MesKes).



Gambarajah 1: Model Prasarana Masjid Mesra Wanita Islam

Prasarana Masjid - Komponen Mesra Wanita Diruang Tandas (MesTan)

Jadual 1 dibawah menyenaraikan item-item yang dikenalpasti sebagai MesTan. Item-item tersebut sangat diperlukan bagi menyokong kerangka prasarana masjid mesra wanita Islam.

Jadual 1:Item-item MesTan

Prasarana masjid – Komponen Mesra Wanita Diruang TandasMesTan
<ul style="list-style-type: none"> - Penunjuk arah yang jelas dan terang - Jarak tandas dari masjid yang berdekatan - Pintu tandas yang berfungsi - Ruang salin lampin bayi - Ruang mandi - Sanitasi- sabun pencuci tangan - Kipas tandas - Tempat sangkut barangan (dalam tandas)

Komponen ini mengambil kira keperluan menjaga aurat wanita dan keselesaan kepada wanita Islam semasa menggunakan ruang tandas dan bilik air di masjid dan surau. Rata-rata masjid diMalaysia ini mempunyai keluasan ruang yang besar. Penunjuk arah yang memberikan panduan tepat kepada wanita Islam perlulah dipikirkan dipintu masuk utama dikesemua pintu gerbang masjid. Penunjuk arah sepatutnya berfungsi secara boleh dilihat dengan jelas sebaik kaum wanita Islam mengunjungi masjid. Tulisannya mestilah bersaiz besar dan berwarna terang bagi memudah dan membantu pengunjung wanita untuk mencari tandas, ruang wuduk dan ruang solat.



Petunjuk arah yang memudahkan pengunjung

Petunjuk arah yang sukar dibaca

Disarankan jarak tandas dari masjid diletakkan berhampiran dan menjadi kawasan eksklusif kaum wanita Islam sahaja. Ini untuk mengelakkan dari terlihatnya aurat kaum wanita Islam semasa di dalam perjalanan dari tandas ke tempat wuduk dan seterusnya ke ruang solat. Ia juga memudahkan pengunjung wanita yang berusia dan bagi mereka yang membawa anak-anak kecil. Ruang tandas yang bersambung atau dibina sebumbung dengan kedua-dua ruang wuduk dan ruang solat memudahkan wanita menjaga aurat mereka. Pintu tandas yang mempunyai selak yang berfungsi sangat diperlukan oleh wanita Islam ketika menggunakan tandas. Ini kerana ia memberi keselesaan kepada wanita Islam yang sering menjadi pengguna bilik air dan tandas masjid untuk keperluan naluri semulajadi mereka. Terdapat pintu tandas yang tidak dikawal selia dan mengalami kerosakan dimana tidak boleh dikunci dari dalam.



Kunci dan ensel tandas yang rosak



Batu sebagai kunci pintu tandas



Tiada ensel tandas

Pengurusan masjid atau AJK masjid boleh juga meletakkan beberapa papan tanda peringatan kepada pengunjung wanita Islam yang menggunakan kemudahan masjid supaya lebih beretika semasa menggunakan prasarana tersebut. Gambar-gambar dibawah adalah contoh peringatan mesra yang boleh digunakan oleh pengurusan masjid dan surau kepada pengguna prasarana masjid.



Wanita Islam juga memerlukan kemudahan penyangkut didalam tandas untuk menyangkut barangan atau bag sandang mereka. Manakala, ibu yang membawa bayi memerlukan ruang salin lampin bayi supaya mereka tidak menggunakan ruang solat untuk berbuat demikian dan seterusnya mencetuskan rasa tidak selesa kepada mereka yang menggunakan ruang solat untuk bersolat. Selain dari itu, sabun atau bahan sanitasi juga memberikan nilai tambah kebersihan dan keselesaan kepada wanita Islam yang menggunakan tandas masjid atau surau.

Prasarana masjid - Komponen Mesra Wanita Di Ruang Wuduk (MesWud)

Komponen ini mengambil kira keperluan menjaga aurat wanita Islam semasa berwuduk. Item item dalam Jadual 2 dibawah menyenaraikan item item prasarana MesWud yang patut diberikan perhatian oleh pihak AJK dan pengurusan masjid.

Jadual 2 Item item MesWud

Item MesWud
<ul style="list-style-type: none"> - Tunjuk arah - Tempat sangkut tudung - Cermin - Tempat wuduk bersambung dengan ruang solat - Sabun pencuci tangan - Suis lampu ruang wuduk - Kipas ruang wuduk - Laluan tertutup di antara ruang wuduk ke ruang solat - Pengudaraan - Pencahayaan



Ruang wuduk wanita Islam yang terbuka



Ruang wuduk dan solat yang seambung



Penghadang diletakkan antara ruang tandas dan wuduk



Ruang wuduk dan solat yang sebumbung



Pencahayaan yang baik diruang wuduk dan solat

Gambar foto (kiri atas sekali) menunjukkan ruang wuduk yang terbuka di salah satu masjid yang sering dikunjungi. Ketidaktepatan pihak AJK dan pengurusan masjid menyebabkan masalah pendedahan kepada aurat wanita. Umum mengetahui bahawa keseluruhan tubuh kecuali muka dan tapak tangan merupakan aurat yang perlu dijaga oleh wanita. Masjid merupakan rumah Allah. Justeru, selain dari rumah sendiri seharusnya wanita mudah untuk menjaga auratnya di rumah Allah. Ruang wuduk yang terbuka untuk wanita Islam adalah tidak mesra wanita Islam. Ruang wuduk dan ruang solat yang sebumbung memberikan keselesaan kepada para pengguna wanita Islam. Terdapat usaha beberapa buah masjid yang prihatin tentang aurat wanita Islam dan meletakkan pengadang supaya boleh melindungi pergerakan wanita Islam keluar masuk dari ruang wuduk ke ruang solat. Selain dari itu, pencahayaan dan pengudaraan yang baik diruang wuduk dan solat boleh mengelakkan ruang tersebut dari berbau hapak atau berkulat.

Prasarana masjid - Komponen Mesra Wanita Di Ruang Solat (MesSol)

Jadual 3 Item item Mes Sol

Item item MesSol
-almari
-sejadah
- kerusi
- tirai pemisah/pembahagi
- rak gantung telekung
- permaidani yang bersih dan nyah habuk
- kipas/penyaman udara/pencahayaan

Prasarana ini menjurus kepada item item yang diperlukan diruang solat wanita Islam samada dimasjid atau surau. Item item tersebut termasuklah penyediaan telekung yang bersih dan nyah bau untuk kegunaan pengunjung. Selain dari itu, sejadah yang nyah habuk juga adalah item yang sepatutnya ada bagi MesSol. Kerusi kecil yang tidak memakan ruang yang besar juga diperlukan untuk kegunaan wanita Islam yang berusia dan menghadapi masalah kesihatan. Tempat sangkutan telekung juga perlu disediakan oleh pihak pengurusan masjid atau surau dan ia perlu dijaga dengan rapi. Terdapat juga masjid atau surau yang tiada kemudahan sangkutan telekung menyebabkan telekung berbau hapak dan bertindihan antara satu sama lain. Permaidani hendaklah selalu divakum supaya ia nyah habuk dan dalam keadaan bersih dan kering. Tirai pemisah juga boleh digunakan supaya ia memberi ruang keselesaan kepada pengunjung wanita. Ruang solat dwi aras

(aras tinggi dan aras rendah) juga sesuai untuk kaum wanita Islam. Bagi yang berusia, mereka boleh menunaikan solat diruang solat rendah manakala bagi wanita yang tidak mempunyai sebarang masalah, boleh menggunakan ruang solat yang tinggi dan bertangga. Kipas yang sentiasa dibersihkan dari habuk dari masa ke semasa sangat perlu bagi menjamin keselesaan pengguna dan pengunjung masjid dan surau.



Contoh contoh tirai yang memisahkan ruang solat wanita dari ruang solat lelaki




Telekung yang disusun rapi



Telekung yang bersepah



Kerusi disusun rapi



Ruang solat dwi aras



Kipas yang dijaga dengan



Prasarana Masjid - Komponen Wanita Untuk Keselamatan (MeSel)

Keselamatan adalah suatu faktor yang sangat dititikberatkan dalam Islam. Oleh itu, prasarana masjid dan surau juga harus menitikberatkan juga faktor keselamatan. Di antara faktor faktor keselamatan yang perlu diambil kira terutama untuk wanita Islam adalah jarak parkir yang jauh dari ruang solat dan ruang wuduk. Selain dari itu, pengurusan masjid juga perlu mengambil kira penyelenggaraan

peralatan elektrik secara berkala. Mentol lampu yang sudah rosak perlu diganti segera supaya ruang tersebut tidak suram atau gelap. Laluan berbumbung sangat diperlukan terutamanya dimusim hujan. Longkang dan saluran tandas dan ruang wuduk perlu bersih dan tidak bertakung. Lantai tandas dan ruang wuduk perlu sentiasa kering. Lantai yang basah dan licin membahayakan mereka yang melalui bahagian tersebut.

Jadual 4 Item item MesSol

Item item MesSel
<ul style="list-style-type: none"> - jarak parkir yang jauh dari ruang solat wanita - selenggaraan peralatan elektrik secara berkala - jarak dari tandas ke ruang solat dan wuduk - laluan berbumbung - lampu yang terang - air bertakung - kebersihan persekitaran - lantai yang kering

Kesimpulan

Masjid adalah rumah Allah. Setiap insan adalah tetamu Allah. Tujuan mereka ke masjid adalah untuk mengimarahkan masjid dengan pelbagai aktiviti. Memandangkan kaum wanita adalah berbeza fitrahnya daripada kaum lelaki, maka adalah perlu pihak pengurusan masjid mengambil kira prasarana yang bersesuaian dan mesra wanita Islam. Item item seperti MesTan, MesWud, MesSol dan MesKes adalah di antara item item penting dalam komponen prasarana masjid. Gambar gambar foto yang telah dipaparkan di atas adalah sebahagian dari item item tersebut. Ada di antaranya menepati cita rasa mesra wanita. Namun, masih banyak lagi yang perlu diperlu di perbaiki bagi membantu wanita Islam merasa selesa semasa menggunakan prasarana masjid dan surau.

Rujukan

<http://www.sirim.my/index.php/press-releases/357-siaran-media-sirim-perkenal-dua-standard-bagi-kebersihan-dan-penarafan-tandas-masjid-dan-surau>

Merriam, S.B and Tisdell, E.J (2015), Qualitative research: A Guide to design and implementation, Fourth Edition, Jossey -Bass, USA.

Possner, J (1998) Image-Based Research: A source book for research, Psychology Press, ISBN, 075070649X, 9780750706490

www.islam.gov.my

www.townplan.gov.my/.../008-A_gpp_masjid_surau_bm_.pdf

www.utusanonline.com

